



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/JL/SH(S)/0001/2024**

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF VINE GARDEN DAN STRUKTUR PERGOLA  
TAMAN BOTANI PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah kod bidang Gred : **G3, Kategori CE - Pengkhususan CE14 (Landskap Di Luar Bangunan) dan Pengkhususan CE21 – (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **26 Februari 2024 (Isnin), jam 10:00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **SPKK** serta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli bermula **26 Februari 2024 (Isnin)** hingga **29 Februari 2024 (Khamis)** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK**.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **5 Mac 2024 (Selasa)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(Lar.HASLINDA BINTI KHALID )**

Naib Presiden  
Jabatan Landskap Dan Taman  
Perbadanan Putrajaya